

BENTUK KERTAS SOALAN

Status: Kertas Tertutup

Kertas Pengetahuan Moral mengandungi dua bahagian iaitu, bahagian A mengandungi **LAPAN** soalan struktur (10 markah untuk setiap soalan) dan bahagian B mengandungi **TIGA** soalan esei (10 markah untuk setiap soalan).

BENTUK JAWAPAN CALON YANG DIKEHENDAKI

Calon dikehendaki menjawab semua **lapan soalan struktur**. Bagi soalan esei, calon hanya diminta menjawab **mana-mana dua soalan esei** daripada tiga soalan esei yang disediakan. Calon diberi masa 2 jam 30 minit untuk menjawab kesemua soalan mengikut arahan yang diberi. Calon hendaklah menulis jawapan di ruang yang disediakan di atas kertas soalan. Calon tidak boleh menukar atau mengubahsuai ruang yang diberi atau menggunakan kertas lain untuk menulis jawapan.

Soalan adalah berdasarkan isu atau situasi. Kertas Pengetahuan Moral 2004 telah mengemukakan pelbagai isu dan situasi seperti tanggungjawab pelajar, keibubapaan, kerajaan, polis, guru, sekolah atau masyarakat dalam menangani isu remaja, isu kebersihan, isu perayaan kaum dan isu semasa yang lain.

Isu-isu ini telah dikemukakan dalam pelbagai bentuk seperti grafik, carta, jadual dan lain-lain. Jawapan calon hendaklah menjurus kepada **nilai-nilai murni** dalam Pendidikan Moral.

Jawapan calon dinilai dari aspek ketepatan **nilai** untuk situasi, penerangan yang menjurus kepada **nilai** yang dipilih dan menepati kehendak soalan serta huraian atau contoh yang berkaitan dengan situasi.

PEMARKAHAN DALAM KERTAS PENGETAHUAN MORAL

Secara umumnya, bagi tahun 2004, pemarkahan kertas Pengetahuan Moral adalah seperti berikut:

Soalan Struktur (10 markah untuk setiap soalan)

NILAI	-	1 markah
PENERANGAN	-	1 markah
DEFINISI NILAI	-	1 atau 2 markah
LANGKAH/TINDAKAN/KESAN/MERUMUS/DLL	-	1 markah setiap jawapan

Soalan struktur merangkumi soalan-soalan pelbagai bentuk. Selain daripada soalan yang memerlukan **nilai**, penerangan dan huraian atau contoh seperti tahun-tahun sudah, soalan tahun ini memerlukan calon menjawab soalan yang memerlukan definisi **nilai**, langkah atau tindakan, kesan atau akibat, merumus atau membuat keputusan, menyatakan maklumat, memberikan cadangan dan lain-lain soalan yang memerlukan jawapan berbentuk Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK). Soalan struktur memerlukan calon menunjukkan kemahiran memberi, menjelas atau menghurai jawapan mengikut kehendak soalan. Calon haruslah berkeupayaan menunjukkan kemahiran dan kematangan dalam menjawab soalan. Calon perlu memahami kehendak arahan soalan seperti membezakan kata tugas seperti berikut:

1.Nyatakan/Berikan/Apakah - calon hanya perlu menyatakan **nilai** atau jawapan lain tanpa sebarang penerangan lanjut.

Contoh i:

Nyatakan dua nilai yang sepatutnya ada dalam situasi di atas. (2 markah)

Calon hanya perlu memberikan dua **nilai** yang lengkap sahaja. **Nilai** diberi berdasarkan markah.

Contoh ii:

Berikan definisi salah satu daripada nilai yang diberikan dalam soalan 1a. (2 markah)

Calon perlu memberikan definisi **nilai** dengan lengkap.

Contoh iii:

Apakah langkah yang perlu dilakukan untuk mengatasi..... (3 markah)

Calon perlu menyatakan tiga langkah sahaja.

2.Jelaskan/Terangkan - calon perlu menyatakan **nilai** atau jawapan lain dengan penerangan yang sesuai mengikut kehendak soalan.

Contoh i:

Jelaskan/Terangkan akibat yang dialami..... (3 markah)

Calon perlu menyatakan tiga akibat sahaja.

3.Huraikan nilai - calon perlu menyatakan **nilai** yang betul dan disertakan dengan **penerangan** yang berkaitan dengan soalan dan diikuti dengan **huraian dan contoh** yang bersesuaian dengan penerangan yang diberikan.

Contoh i:

Huraikan dua nilai yang perlu diamalkan..... (6 markah)

Calon perlu memberi dua **nilai** di mana setiap nilai diikuti dengan **penerangan dan contoh**.

1.Soalan Esei (10 markah)

NILAI	-1 markah x 1 N	=	1 markah
PENERANGAN	-1 markah x 2 P	=	2 markah
HURAIAN/CONTOH	-1 markah x 2 H/C	=	2 markah
	JUMLAH	=	5 markah

Calon dikehendaki mengemukakan dua nilai bersama dua penerangan dan dua huraian - 2X5 = 10 markah

PRESTASI KESELURUHAN

Kertas Pengetahuan Moral 2004 mengambil langkah memperkenalkan soalan dalam bentuk format baru yang lebih mencabar untuk menguji kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif calon. Dengan pengenalan bentuk soalan yang baru, calon dikehendaki memahami 36 nilai berbanding 80 nilai lama. Selain tumpuan kepada **nilai**, penerangan dan huraian atau contoh seperti tahun sebelum, pada tahun ini buat pertama kalinya skop soalan diperluaskan kepada soalan yang memerlukan calon memberi pendapat, menyatakan langkah atau kesan dan membuat keputusan serta soalan-soalan lain berbentuk kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Namun jawapan calon menampakkan kelemahan calon dalam menjawab soalan bentuk baru ini. Calon tidak dapat mengemukakan jawapan yang tepat seperti kehendak soalan. Terdapat segelintir calon yang masih menjawab mengikut cara lama dan kadang-kala masih lagi memberikan nilai lama sebelum semakan Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral. Ramai calon yang masih tidak mencapai tahap kecekapan dalam menghurai dan memberikan contoh yang tepat serta bersesuaian dengan soalan. Calon juga tidak menunjukkan aras pemikiran yang dikehendaki dan masih belum menampakkan kematangan menjawab soalan Pengetahuan Moral berbentuk Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tertinggi

Calon menjawab keseluruhan jawapan dengan cemerlang dan menepati kehendak soalan format baru. Calon mampu menjawab dengan menggunakan **nilai-nilai** baru dengan betul dan dapat memberikan definisi **nilai** yang mengandungi keseluruhan kata kunci. Kemampuan calon memberikan kata kunci yang tepat dapat membantu calon memberi penerangan dan huraian yang bersesuaian. Calon dapat mengupas soalan dan memberikan jawapan yang sesuai dengan kehendak soalan. Jawapan calon juga menampakkan kemahiran dan kebiasaan dengan soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon masih boleh menulis nilai dengan tepat tetapi kurang berupaya menghurai atau menjelaskan penerangan. Calon juga boleh memberi jawapan tetapi tidak memberi huraian atau contoh yang tepat. Calon tidak dapat memberikan kesemua kata kunci untuk soalan yang berbentuk definisi. Begitu juga soalan yang berbentuk Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif, calon masih kurang matang dan tidak dapat mengembangkan idea dengan baik kerana tidak dapat mengupas serta memahami kehendak soalan. Calon juga gemar menjawab terlalu panjang tetapi tidak mengandungi hujah yang sesuai dengan situasi. Calon juga gemar menumpukan masa menjawab soalan yang difahami dan mengabaikan soalan yang tidak difahami tanpa cuba menjawab. Calon juga gagal memberikan **nilai** yang betul dan banyak membuat kesilapan dari aspek ejaan, tambah atau gugur imbuhan, tambah atau gugur perkataan dan terdapat juga calon yang masih menggunakan **nilai-nilai murni** lama sebelum semakan Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon lebih banyak meneka nilai dan menyenaraikan **nilai** sahaja. Member! **nilai** yang tidak tepat atau bukan **nilai**. Ramai calon yang memberikan penerangan, huraian, kesan, tindakan dan lain-lain jawapan yang tiada kaitan dengan soalan kerana gagal mengupas

soalan dan memahami kehendak soalan. Calon yang tidak memahami soalan tidak mahu mencuba untuk menjawab soalan. Ramai calon dalam kumpulan ini bukan sahaja tidak dapat memberikan **nilai** yang dikehendaki soalan, malah ramai juga yang tidak tahu mengeja **nilai** dengan betul dan kesilapan yang paling kerap dilakukan ialah menggugur atau menambah imbuhan dan perkataan. Pengetahuan calon menjawab soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif masih di tahap rendah kerana kurang latihan atau tidak tahu langsung.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon harus memahami kehendak soalan dan isu serta situasi yang dikemukakan.
2. Calon perlu menghafal dan menguasai semua **nilai murni** bersama maksudnya.
3. Calon perlu meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu, meluaskan pembacaan supaya mengetahui isu-isu semasa dan banyakkkan latihan.
4. Membaca dan memahami kandungan buku teks.
5. Mengenal pasti kehendak kata tugas seperti **Nyatakan, Huraikan, Terangkan** dan sebagainya.
6. Calon harus memahami kata kunci dalam situasi yang dapat memberi panduan memilih **nilai** yang tepat dan penerangan yang bersesuaian.
7. Calon disarankan supaya jangan mengemukakan jawapan yang terlalu panjang kerana berkemungkinan melebihi had pemeriksaan. Elok memberi tumpuan kepada jawapan yang diyakini sahaja. Mengemukakan jawapan yang banyak akan menghilangkan tumpuan untuk menulis jawapan yang bermutu.
8. Calon disarankan menulis nilai seperti yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran. Nilai tidak boleh diubah sehingga membawa maksud berlainan.
9. Calon tidak dibenarkan mengemukakan jawapan untuk soalan esei dalam bentuk "**point form**".
10. **Penerangan** haruslah menerangkan kenapa **nilai** dipilih dan bukan memberikan maksud **nilai**. **Huraian** adalah sokongan kepada penerangan yang diberikan. **Contoh** pula adalah bukti sebagai pengukuh kepada jawapan yang diberi.
11. Calon disaran supaya menulis jumlah **nilai** mengikut apa yang dikehendaki oleh soalan. Calon yang menulis terlalu banyak **nilai** akan dianggap seperti menyenaraikan **nilai**, bukan menjawab soalan.
12. Calon diingatkan supaya menjawab diruang yang disediakan sahaja dan tidak mengubahsuai format atau ruang jawapan yang disediakan.
13. Calon digalakkan merancang pembahagian masa yang bersesuaian. Calon gemar mengemukakan jawapan yang panjang. Masa yang ditumpukan untuk jawapan yang panjang melebihi jangka masa yang diperuntukkan. Ini menyebabkan calon tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menjawab soalan lain.

SARANAN KEPADA GURU

1. Mengetahui, memahami dan menguasai **nilai-nilai murni dengan baik**.
2. Menghadiri kursus-kursus yang berkaitan dengan P & P Pendidikan Moral agar mendapat lebih banyak pendedahan.
3. Mempunyai pandangan yang baik dan positif terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral.
4. Disarankan memaksimumkan penggunaan buku teks dan bahan-bahan lain daripada pelbagai sumber dalam P & P Pendidikan Moral.
5. Melatih calon memahami isu atau situasi dan kehendak soalan.
6. Melatih calon menjawab soalan berbentuk kritis dan kritif.

7. Mendedahkan bentuk atau format jawapan yang dikehendaki kepada calon.
8. Membincang dan mendedahkan isu-isu semasa daripada pelbagai media.
9. Memberi panduan kepada calon cara mengenal pasti kata kunci dalam soalan, isu atau situasi yang dikemukakan.
10. Membimbing calon mengenal pasti kata tugas dalam soalan dan menjawab mengikut kehendak kata tugas.
11. Mempelbagaikan kaedah mengajar agar proses P & P menarik minat pelajar untuk belajar Pendidikan Moral.
12. Melengkapkan diri dengan maklumat terkini berkaitan dengan peperiksaan dan kurikulum untuk mata pelajaran Pendidikan Moral.
13. Diingatkan bahawa Pendidikan Moral bukan sahaja sebagai salah satu mata pelajaran teras tetapi ia juga adalah satu mekanisma atau kaedah membentuk sahsiah pelajar sebagai generasi berguna pada masa hadapan.